

Soalan No:27

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 26.3.2018 (ISNIN)

SOALAN :

Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah cara yang lebih mudah bagi pusat-pusat pembelajaran swasta untuk berdaftar dengan pihak Kementerian tanpa melalui prosedur yang sungguh banyak dan rumit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 79 Akta Pendidikan 1996 [Akta 550], semua institusi pendidikan hendaklah berdaftar mengikut tatacara yang ditetapkan. Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan garis panduan penubuhan dan pendaftaran institusi pendidikan swasta bagi memastikan setiap institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan KPM mematuhi peruntukan dalam Akta dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Garis panduan ini merangkumi aspek pemilikan, kurikulum, murid, tenaga pengajar serta premis dan kemudahan.

49

Selain itu, penubuhan dan pendaftaran sesuatu institusi pendidikan swasta juga tertakluk kepada pematuhan kepada ketetapan agensi lain seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Jabatan Kesihatan yang bertanggungjawab dalam aspek perancangan dan penggunaan premis, keselamatan dan kesihatan.

Sebarang permohonan untuk menubuh dan mendaftarkan institusi pendidikan swasta hendaklah mematuhi panduan yang ditetapkan serta tertakluk kepada sokongan daripada agensi lain yang terlibat.

RJM60